

PERADUAN NESTLÉ DRUMSTICK® INI BARU “AWESOME!”

Dokumen Terma dan Syarat

Versi: 1.0

Syarat & Peraturan Peraduan	
Pihak Penganjur & Kelayakan	
1	PERADUAN Nestlé DRUMSTICK Ini Baru “Awesome!” [“Peraduan”] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“Pihak Penganjur”] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang mempunyai MyKad yang sah dan mempunyai alamat di Malaysia, berusia 18 tahun ke atas pada 6/02/ 2017.
2	Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
[a]	Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri adik-beradik]; dan/atau
[b]	Wakil, kakitangan, pekerja dan/ atau Peraduan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri adik-beradik].
Tempoh	
1	Peraduan ini akan bermula dari 06/02/2017 pada “12:00:01” hingga 20/03/2017 pada “23:59:59” [“Tempoh Peraduan”]. Pihak Penganjur berhak meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.
Kriteria Peraduan	
1	Untuk menyertai Peraduan ini, peserta dikehendaki untuk melengkapkan kriteria berikut [“Kriteria Peraduan”]: a) Beli sekurang-kurangnya satu (1) daripada kon DRUMSTICK berikut dari mana-mana kedai dalam Tempoh Peraduan: <ul style="list-style-type: none">• DRUMSTICK Vanilla• DRUMSTICK Chocolate• DRUMSTICK Caffè de Caramel• DRUMSTICK Chocolate Vanilla Classic Multipack (4 kon) Pembelian satu (1) kon DRUMSTICK melayakkan peserta satu (1) penyertaan di Tahap 1 dan pembelian tiga (3) kon DRUMSTICK melayakkan peserta satu (1) penyertaan di Tahap 2. Pembelian multipack DRUMSTICK® melayakkan peserta satu (1) penyertaan di Tahap 2. Contoh: Jika pesert membeli dua (2) kon DRUMSTICK dalam satu (1) resit, peserta dilayak untuk dua (2) penyertaan di Tahap 1. Jika peserta membeli lima (5) kon DRUMSTICK dalam satu resit, peserta layak kepada lima (5) penyertaan di Tahap 1 dan satu (1) penyertaan di Tahap 2.

	<p>Peserta dikehendaki menyimpan resit jualan asal yang jelas memaparkan pembelian produk DRUMSTICK® sebagai bukti pembelian [“BP”] untuk tujuan pengesahan jika dipilih sebagai salah satu finalis di Tahap 2 dalam Peraduan; dan</p> <p>b) Mengemukakan penyertaan Peraduan dengan manaip nama, nombor MyKad peserta dan muat naik gambar resit melalui WhatsApp Messaging [“WAM”] dan hantar ke 012-3131031 [“Penyertaan”].</p> <p>Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan resit yang berbeza semasa Tempoh Peraduan tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah dari setiap Tahap dalam Peraduan.</p>
2	Sekiranya Penyertaan sama daripada peserta berlainan, Kemasukan paling awal yang dihantar akan dianggap sebagai penyertaan yang sah berdasarkan masa penerimaan.
3	Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Penyertaan perlu melengkapinya setiap langkah dalam Peraduan ini. Sebarang Penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik.
Hadiah-Hadiah	
1	<p>Hadiah-hadiah untuk peraduan ini dibahagikan kepada dua (2) Tahap:</p> <p>(a) Tahap 1: Hadiah-Hadiah Harian</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sejumlah seribu dua ratus sembilan puluh [1,290] pemenang T-shirt DRUMSTICK (maksimum 30 pemenang Hadiah Harian sehari) <p>(b) Tahap 2: Hadiah Bi-Mingguan</p> <ul style="list-style-type: none"> - 06/02 – 20/02/2017: Lima belas [15] pemenang memenangi Sony PlayStation 4 bernilai RM1,300 setiap satu - 21/02 – 07/03/2017: Dua puluh [20] pemenang memenangi Kad ZALORA E-Gift bernilai RM1,000 - 08/03 – 20/03/2017: Dua puluh [20] pemenang memenangi Mata Ganjaran BIG AirAsia bernilai RM1,000 atau bersamaan dengan 25,000 BIG Points.
2	Penggunaan hadiah-hadiah yang disediakan oleh pihak ketiga akan ditadbir oleh terma-terma dan syarat-syarat pihak ketiga. Penggunaan Kad ZALORA E-GIFT [“Kad Hadiah”] dan Mata Ganjaran BIG AirAsia [“Mata Ganjaran BIG”] adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan oleh peruncit Kad Hadiah atau Mata Ganjaran BIG masing-masing. Penganjur tidak mengambil liabiliti berkaitan dengan hadiah-hadiah yang disediakan oleh pihak ketiga. Pihak Penganjur tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk perbuatan atau peninggalan daripada pihak ketiga.
3	Pemenang Peraduan akan diumumkan selepas Tempoh Peraduan di halaman Facebook Nestlé DRUMSTICK® Malaysia dan laman web Pihak Penganjur, www.nestle.com.my .
4	Semua hadiah tidak boleh dipindah milik dan/atau tidak boleh ditukar.
5	Sekiranya tiada pemenang, hadiah akan diberi kepada penyertaan sah yang diterima semasa Tempoh Peraduan.
Pemilihan Pemenang-pemenang	
1	Semua penyertaan yang diterima oleh Pihak Penganjur semasa Tempoh Peraduan yang mematuhi Kriteria Peraduan [“Penyertaan Layak”] akan diberi nombor bersiri berdasarkan masa penerimaan (dd/mm/yy/hh/mm/ss) dalam satu [1] pangkalan data. Jumlah penyertaan yang layak akan dibahagikan dengan bilangan hadiah yang diperuntukkan dalam setiap satu daripada dua [2] Tahap hadiah di atas untuk memperolehi nombor siri yang berpotensi untuk menang.

	<p>Contoh:</p> <p>Untuk Hadiah Tahap 1, jika jumlah Penyertaan yang layak berjumlah 300, maka 300 akan dibahagikan dengan tiga puluh [30] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan yang pertama [ke-10] dan nombor bersiri yang menang berturutan adalah menggunakan pengganda 10; Untuk Hadiah Tahap 2, Sony PlayStation 4, 300 akan dibahagikan dengan lima belas [15] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan yang pertama daripada [ke-20] dan nombor bersiri yang menang berturutan adalah menggunakan pengganda 20; untuk Hadiah Bi-Mingguan, Zalora Gift Card dan BIG Points, 300 akan dibahagikan dengan dua puluh [20] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan [ke-15] dan nombor-nombor bersiri yang menang berturutan adalah menggunakan pengganda 15. Jika pengganda berada di titik perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan kepada nombor siri keseluruhan yang lebih rendah yang diperolehi daripada pembahagian tersebut.</p> <p>Peserta yang mempunyai nombor siri kemenangan [“Peserta Terpilih”] akan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur atau ejennya melalui e-mel dan/atau telefon. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Peserta dipilih tidak dapat dihubungi atas apa-apa juga sebab selepas sekurang-kurangnya tiga [3] percubaan oleh Penganjur atau ejennya.</p> <p>Untuk layak sebagai pemenang di Tahap 1, Peserta yang dipilih perlu menjawab satu [1] soalan dengan betul dari Pihak Penganjur dan menyerahkan salinan MyKad (depan dan belakang) melalui WhatsApp kepada Pihak Penganjur dalam tempoh lima [5] hari kerja notifikasi, atau melalui e-mel ke alamat e-mel yang diberikan dalam notifikasi tersebut.</p> <p>Untuk layak sebagai pemenang di Tahap 2, Peserta yang dipilih perlu menjawab satu [1] soalan dengan betul dari Pihak Penganjur dan menyerahkan salinan MyKad (depan dan belakang) bersama dengan resit asal pembelian dengan nombor invois yang sama kepada Pihak Penganjur dalam masa tujuh [7] hari kerja notifikasi, atau melalui e-mel ke alamat e-mel yang diberikan dalam notifikasi tersebut. Setelah menerima resit asal dan salinan MyKad dari Peserta Terpilih dalam Tahap 2, Penganjur atau ejennya akan mengesahkan dan mengenal pasti pemenang kategori hadiah yang berkaitan.</p>
Penebusan Hadiah	
1	Semua hadiah-hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga [3] bulan dari tarikh notifikasi. Semua hadiah tidak dituntut akan ditarik balik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima.
2	Kegagalan untuk mengemukakan, termasuk tidak menerima resit asal dan/atau salinan MyKad dalam tempoh tarikh akhir yang ditetapkan, atas apa juga sebab, akan mengakibatkan hadiah di tarik balik. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan oleh Penganjur. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya tidak menerima permohonan untuk menebus hadiah untuk apa-apa sebab sekalipun. Hadiah yang di tarik balik tidak akan digantikan.
3	Pihak Penganjur berhak di atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dangannya, pada bila-bila masanya tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan dalam ‘keadaan sedia ada’ dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit dan barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
4	Semua pemenang mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada.

Liabiliti & Tanggungjawab	
1.	Peserta-peserta akan bertanggungjawab dan menanggung liability sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan tau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, menuntut dan/ atau menggunakan hadiah Peraduan ini. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) dalam apa-apa cara sekalipun.
2	Semua kos rakaman, pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.
3	Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, ketingalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna , atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu-lintas di internet atau perkhidmatan telekomunikasi.
4	Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kelewatan dan/atau kegagalan penerimaan penyertaan yang disebabkan oleh ketidakupayaan Internet Service Provider [ISP] syarikat masing-masing dan/atau rangkaian telekomunikasi untuk menyediakan internet tepat pada masanya dan/atau cekap dan/atau perkhidmatan telekomunikasi.
Hak Penganjur	
1	Dengan menghantar penyertaan anda untuk Peraduan ini, semua peserta bersetuju dan mengakui bahawa semua hak intelektual adalah hak harta Penganjur. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, menyunting, mengubah dan menerbitkan penyertaan yang dikemukakan oleh semua peserta, menyiarkan nama-nama peserta, dalam apa-apa cara yang sesuai untuk pengiklanan, perdagangan, tujuan promosi dan untuk apa-apa sebab lain juga, tanpa sebarang notis kepada peserta dan peserta tidak boleh menuntut hak milik atau bayaran atau pampasan untuk bahan tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, penyerahan yang dikemukakan tidak akan disunting untuk tujuan pengadilan.
2	Pihak Penganjur mempunyai hak untuk mengubah suai, menangguh atau membatalkan Peraduan ini sekiranya ia tidak berjalan seperti yang dirancang, gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luarkawalan Penganjur, walaupun selepas usaha terbaik Penganjur.
3	Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan penyertaan peserta-peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penyerahan Peraduan, operasi Peraduan ini atau melanggar syarat-syarat akses laman web NESTLÉ Malaysia atau laman Facebook Nestlé DRUMSTICK Malaysia. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang dipercayai telah menjalankan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memudaratkan Peraduan dalam talian ini, proses penghantaran peraduan dan/atau laman web korporat NESTLÉ Malaysia atau laman Facebook Nestlé DRUMSTICK Malaysia.
Terma & Syarat Lain	

1	Semua penyertaan yang dihantar mestilah asli dan tidak melanggar hak harta intelek yang dimiliki oleh mana-mana pihak. Peserta tidak boleh menimbulkan, mengedarkan, menghasilkan semula atau menyerahkan dalam apa cara sekalipun, apa-apa bahan yang mengandungi hak harta intelek mana-mana pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada Hakcipta, atau maklumat hak Keempunyaan yang dimiliki oleh pihak lain tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemilik hak harta intelektual atau maklumat proprietari. Jika anda percaya bahawa kerja anda telah disalin dan dipamerkan dengan cara yang membentuk pelanggaran harta intelektual, sila hubungi Pihak Penganjur.
2	Pihak Penganjur, mempunyai hak untuk mengubah Terma dan Syarat ini tanpa memberi notis, jika diperlukan supaya Peraduan ini berjalan dengan lancar.
3	Syarat & Peraturan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat konflik, Syarat & Peraturan dalam Bahasa Inggeris didahulukan.
4	Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
5	Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Terma dan Syarat ini serta keputusan Pihak Penganjur.

Notis Privasi

1	Dengan menyertai PERADUAN NESTLÉ DRUMSTICK® INI BARU “AWESOME!”, anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan atas talian bagi tujuan PERADUAN NESTLÉ DRUMSTICK® INI BARU “AWESOME!”. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2	Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
3	Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
4	Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
5	Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan

	<p>maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.</p>
6	<p>Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.</p>
7	<p>Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.</p> <p>Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang Web : https://www.nestle.com.my/contactus <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi kami : 1-800-88-3433
8	<p>Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam [PERADUAN NESTLÉ DRUMSTICK® INI BARU "AWESOME!" dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.</p>
9	<p>Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.</p>